

**KEBERADAAN DAN PENGLIBATAN KUASA-KUASA  
BARAT DI LAUT CHINA SELATAN, 1600-1975**



**AMY AZUAN BIN ABDULLAH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**KEBERADAAN DAN PENGLIBATAN KUASA-KUASA  
BARAT DI LAUT CHINA SELATAN, 1600-1975**

**AMY AZUAN BIN ABDULLAH**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR  
FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : **KEBERADAAN DAN PENGLIBATAN KUASA-KUASA BARAT DI LAUT CHINA SELATAN, 1600-1975**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH KEMANUSIAAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **AMY AZUAN BIN ABDULLAH** Sesi **2020-2023**, mengaku membenarkan tesis Doktor ini, disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/ TIDAK TERHAD



**AMY AZUAN BIN ABDULLAH**  
**DA2011012T**

Tarikh : 6 Februari 2023

Disahkan Oleh,

 ANITA BINTI ARSAD  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Prof. Madya Dr Lai Yew Meng)  
Penyelia Utama

## PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

7 November 2022



---


Amy Azuan Bin Abdullah  
DA2011012T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **AMY AZUAN BIN ABDULLAH**  
NO. MATRIK : **DA2011012T**  
TAJUK : **KEBERADAAN DAN PENGLIBATAN KUASA-KUASA  
BARAT DI LAUT CHINA SELATAN, 1600-1975**  
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH KEMANUSIAAN**  
BIDANG : **SEJARAH**  
TARIKH VIVA : **7 NOVEMBER 2022**



DISAHKAN OLEH;

UMS  
Tandatangan  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**1. PENYELIA UTAMA**

Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng

**2. PENYELIA BERSAMA**

Dr. Maureen De Silva

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T atas petunjuk, hidayah dan limpah kurnia-Nya kerana memberi kekuatan sehingga terhasilnya tesis ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng selaku Penyelia Utama dan Dr. Maureen De Silva selaku Penyelia Bersama yang bertanggungjawab sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Dengan didikan, kesabaran dan motivasi yang diberikan, tesis ini akhirnya berjaya diselesaikan mengikut perancangan. Terima kasih atas kepercayaan dan pelbagai peluang yang diberikan. Terima kasih sekali lagi kepada Ketua Kluster Geopolitik dan Kearifan Lokal, Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng dan Ketua Projek Geran Penyelidikan TR@M001-2019, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Bin Abdullah kerana telah memberikan peluang untuk saya terlibat dari segi penulisan, penyelidikan, pengurusan dan kewangan melalui projek penyelidikan. Sesungguhnya, tesis ini dihasilkan sebagai salah satu syarat dalam geran projek penyelidikan yang bertajuk, "Sumber Semulajadi Dan Potensi Pembangunan Strategik Ekonomi Luar Pantai Malaysia: Pulau Layang-Layang", Kod Projek, TR@M001-2019 melalui pembiayaan sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia.

Tesis ini adalah manifestasi pelayaran kehidupan. Tesis ini bukan sahaja bertujuan memenuhi syarat Ijazah Doktor Falsafah yang diidamkan, tetapi proses yang akan dikenang dalam menginsafi kebesaran Allah, nilai persahabatan, kekeluargaan dan kehidupan bermasyarakat. Jutaan kasih dan sayang kepada keluarga tercinta kerana memahami perjuangan dalam usaha menuntut kesejahteraan bersama di masa hadapan. Buat isteri tersayang, Wan Suryati Bte Wan Hanapi, buat mama, Kasmini Bte Rahmat dan bapa, Abdullah Bin Hj Abas, terima kasih kerana tidak putus memberikan dorongan moral, bantuan dan kasih sayang yang tidak ternilai dalam kehidupan ini. Kepada *mummy*, abah dan keluarga mertua, terima kasih atas segala bentuk bantuan yang diberikan kepada saya dan isteri. Buat kakak dan adik serta abang ipar, terima kasih kerana sentiasa bersama dalam susah dan senang serta sentiasa menyokong segala tindakan dan keputusan. Wang ringgit tidak ternilai untuk membalas jasa kalian, doaku sentiasa mengiringi perjalanan kita semua. Kepada anak syurga babah, Aisya Bte Amy Azuan, terima kasih kerana memaknai kehidupan ini walau untuk seketika. Alhamdulillah, Allah hadirkan 'adik' Amy Aryanfiersa sebagai cahaya dalam hidup ibu dan babah. Semoga keluarga besar kita sentiasa dilindungi dan dilimpahi rahmatNya dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Amin.

Tidak lupa juga, ribuan terima kasih saya ucapkan khususnya kepada En. Baszley Bee B. Basrah Bee, Dr. Zainuddin Baco, Dr. Eko Prayitno Joko, Dr. Dg Junaidah Awang Jambol, Dr. Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, Dr. Amrullah Maraining, Dr. Mosli Tarsat, Dr. Md Saffie Abdul Rahim, Prof. Ismail Ali, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala, Prof. Madya Dr. A. Rahman Tang Abdullah, Prof. Madya Dr. Ramli Dollah, Dr.

Nordin Sakke, Dr. Rizal Zamani Idris, Dr. Fauzie Sarjono, Puan Marja Azlima Omar dan semua barisan pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UMS kerana banyak memberikan cadangan, idea dan motivasi sepanjang penulisan tesis ini dilakukan. Sebahagiannya adalah guru, bapa, abang dan kakak yang banyak membantu meningkatkan mutu penyelidikan dan memberikan nasihat yang tidak akan saya lupakan. Tidak lupa juga, Puan Amy Lim selaku *Project Manager* TR@M001-2019, kakitangan Jabatan Bendahari UMS, kakitangan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) UMS, kakitangan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS dan kakitangan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang banyak membantu dari segi pengurusan kewangan dan hal ehwal sebagai pelajar dan penyelidik siswazah bagi projek TR@M001-2019.

Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada kakitangan Seksyen Khas Penyelidikan Negara, Arkib Negara Malaysia, kakitangan Arkib Negeri Sabah, Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa (CDiSS) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), *Institute of China Studies* (ICS) Universiti Malaya (UM), Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), barisan penyelidik projek penyelidikan TR@M001-2019 dari Kluster Geopolitik dan Kearifan Lokal, Kluster Biodiversiti Marin, Kluster Geologi dan Teknologi Hijau serta Kluster Ekonomi dan Pelancongan serta beberapa individu dan agensi kerana memberikan perkhidmatan yang terbaik dan terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung sehingga saya berjaya menyelesaikan tesis ini. Semoga ALLAH S.W.T. memberikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada kalian semua.

Amy Azuan Bin Abdullah  
7 November 2022



## ABSTRAK

Laut China Selatan (LCS) mencakupi ruang wilayah daratan serta kelautan yang menghubungkan dunia Timur dan Barat dari era tradisional hingga moden. Tamsilnya, keberadaan dan penglibatan kuasa Barat dimanifestasi melalui aspek kartografi-pelayaran, perdagangan dan ketenteraan. Korelasi ini membuktikan bahawa sejarah LCS signifikan melalui interaksi pelbagai kuasa Barat seperti Portugis, Sepanyol, Belanda, British, Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan Rusia (Kesatuan Soviet). Permasalahan kajian tesis ini adalah berkaitan kontradiksi konsep wilayah dan kelautan yang akhirnya mengakibatkan berlakunya isu tuntutan bertindih ke atas LCS melalui asas sejarah. Asas sejarah yang dikemukakan oleh sebahagian negara penuntut LCS seperti China, Vietnam dan Filipina adalah bersifat *myopic* atau merujuk kepada satu perspektif sahaja. Oleh yang demikian, tesis ini akan mengemukakan secara komprehensif aspek kartografi-pelayaran, perdagangan dan ketenteraan berdasarkan semua kuasa Barat yang mampu memberi pencerahan terhadap fakta sejarah LCS misalnya melalui beberapa isu seperti bidang kuasa sebahagian kepulauan LCS. Objektif yang ingin dicapai ialah, membincangkan konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia dan Barat serta hubungannya dengan LCS; menganalisa aspek kartografi kuasa Barat di LCS dari tahun 1600-1975; membentuk pemahaman mengenai penglibatan kuasa Barat dari aspek perdagangan dan ketenteraan bermula dari tahun 1600-1975; akhir sekali, menilai kesan keberadaan dan penglibatan kuasa Barat di LCS. Kajian ini disempurnakan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu mengumpul dan menganalisis sumber primer serta sekunder. Kajian mendapati bahawa, aspek kartografi dan pelayaran kuasa Barat memberikan pencerahan mengenai asal usul istilah dan toponim kepulauan LCS. Manakala aspek perdagangan dan ketenteraan oleh kuasa Barat menyokong matlamat ekonomi selain berperanan menjaga kestabilan dan keamanan di LCS. Akhirnya, aspek-aspek ini memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung ke atas kuasa Barat serta negara pesisir LCS sekali gus membentuk kefahaman mengenai fakta sejarah LCS. Ironinya, fakta sejarah LCS sama ada dari segi tuntutan wilayah dan hak-hak kelautan perlu dijawab dengan peruntukan undang-undang antarabangsa yang kompleks.



## **ABSTRACT**

### **THE PRESENCE AND INVOLVEMENT OF WESTERN POWERS IN THE SOUTH CHINA SEA, 1600-1975**

*The South China Sea (SCS) encompasses the maritime and terrestrial space that connects the Eastern and Western worlds from the traditional to the modern era. Symbolically, the presence and involvement of Western powers is manifested through aspects of cartography-navigation, trade and military. This correlation proves that the history of the SCS is significant through the interactions of various Western powers such as Portugal, Spain, Netherlands, British, France, Germany, the United States and Russia (Soviet Union). The research problem of this study is related to the contradiction in territorial and maritime concepts which ultimately resulted in the issue of overlapping claims on SCS through historical basis. The historical basis presented by some SCS claimant countries such as China, Vietnam and the Philippines is myopic or refers to only one perspective. Therefore, this thesis will present comprehensively the aspects of cartography-navigational, trade and military based on all Western powers that are able to shed light on the historical facts of the SCS, for example through some issues such as the jurisdiction of parts of the SCS archipelago. The objective to be achieved is to discuss territorial and maritime concepts according to Asian and Western Civilization and their relationship with SCS; analyze cartographic aspects of Western powers in the SCS from 1600-1975; form an understanding of the involvement of Western powers from the commercial and military aspects starting from 1600-1975; finally, assess the impact of the presence and involvement of Western powers in the SCS. This is a qualitative study which utilises the collection and analysis of primary and secondary sources. The study found that the cartographic and navigational aspects of the Western powers shed light on the origin of the terms and toponyms of the SCS archipelago. Meanwhile, trade and military activities by Western powers supported economic goals, apart from maintaining stability and peace in the SCS. Finally, these aspects have a direct and indirect impact on the Western powers as well as the littoral countries of the SCS thus forming an understanding of the historical facts of the SCS. Ironically, the historical facts of the SCS both in terms of territorial claims and maritime rights need to be aligned with the complex provisions of international law.*

# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	vi
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Sorotan Literatur	17
1.6 Kepentingan Kajian	39
1.7 Skop Kajian	42
1.8 Kaedah Kajian	45
1.8.1 Peringkat Awal	46
1.8.2 Peringkat Pengumpulan Data	46
1.8.3 Peringkat Analisis Data	49
1.8.4 Peringkat Cadangan dan Rumusan	51
1.9 Pembahagian Bab	51
1.10 Kesimpulan	54

<b>BAB 2: KONSEP WILAYAH DAN KELAUTAN SERTA HUBUNGANNYA KE ATAS LAUT CHINA SELATAN</b>		
2.1	Pengenalan	55
2.2	Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Asia Sebelum dan Selepas Tahun 1600	56
2.2.1	Elemen Perajaan dan Negara dalam Konsep Wilayah dan Kelautan Asia Tenggara	56
2.2.2	Sistem Tributari China	61
2.3	Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Barat Sebelum dan Selepas Tahun 1600	65
2.3.1	Konsep Wilayah dan Kelautan Kuasa Barat	66
2.3.2	Konsep Kuasa Kelautan dan Kuasa Maritim	76
2.4	Sejarah Awal Laut China Selatan	78
2.4.1	Kemunculan Kerajaan Maritim Awal Nusantara	78
2.5	Toponim Kepulauan Laut China Selatan	87
2.6	Faktor Keberadaan dan Penglibatan Kuasa Barat di Laut China Selatan	107
2.7	Kesimpulan	112
<b>BAB 3: KARTOGRAFI LAUT CHINA SELATAN DARI TAHUN 1600-1975</b>		
3.1	Pengenalan	113
3.2	Kartografi Barat Di Laut China Selatan Abad Ke-17	114
3.3	Kartografi Barat Di Laut China Selatan Abad Ke-18	126
3.4	Kartografi Barat Di Laut China Selatan, Abad Ke-19	133
3.5	Kartografi Barat Di Laut China Selatan, 1901-1975	158
3.6	Kesimpulan	181
<b>BAB 4: PENGLIBATAN KUASA BARAT DI LAUT CHINA SELATAN DARI ASPEK PERDAGANGAN, 1600-1975</b>		
4.1	Pengenalan	182

4.2	Perdagangan di Asia Tenggara dan Lautan Sebagai Medium Penghubung	183
4.3	Hubungan Perdagangan Maritim Antara Kuasa Barat dan Dunia Asia	186
4.3.1	Evolusi Hubungan Perdagangan Maritim Antarabangsa di antara Kuasa Barat dan Asia Tenggara	189
4.4	Kegiatan Perdagangan Kuasa Barat di Laut China Selatan, 1600-1975	195
4.4.1	Kegiatan Perdagangan Kuasa Barat di Laut China Selatan, 1600-1870	195
4.4.2	Kegiatan Perdagangan Kuasa Barat di Laut China Selatan Semasa, 1870-1975	217
4.5	Kesimpulan	238
<b>BAB 5: PENGLIBATAN KUASA BARAT DI LAUT CHINA SELATAN DARI ASPEK KETENTERAAN, 1600-1975</b>		
5.1	Pengenalan	239
5.2	Hegemoni Kuasa Ketenteraan Barat di Asia Tenggara	240
5.3	Penglibatan Kuasa Barat Dari Aspek Ketenteraan Di Laut China Selatan, 1600-1870	244
5.3.1	Portugis, Sepanyol dan Belanda	245
5.3.2	British	247
5.3.3	Perancis	254
5.3.4	Jerman	256
5.3.5	Amerika Syarikat	259
5.4	Penglibatan Kuasa Barat Dari Aspek Ketenteraan Di Laut China Selatan, 1870-1945	264
5.4.1	British	265
5.4.2	Perancis	276
5.4.3	Jerman	282
5.4.4	Rusia	287
5.4.5	Amerika Syarikat	292

5.5	Penglibatan Kuasa Barat Dari Aspek Ketenteraan Di Laut China Selatan, 1945-1975	303
5.5.1	British	303
5.5.2	Perancis	306
5.5.3	Jerman	307
5.5.4	Rusia (Kesatuan Soviet)	309
5.5.5	Amerika Syarikat	313
5.6	Ketenteraan Di Kepulauan Laut China Selatan	319
5.7	Kesimpulan	329

**BAB 6: KESAN KEBERADAAN DAN PENGLIBATAN KUASA BARAT DI LAUT CHINA SELATAN**

6.1	Pengenalan	331
6.2	Kesan Secara Langsung Keberadaan dan Penglibatan Kuasa Barat di Laut China Selatan	332
6.2.1	Kesan Terhadap Pemetaan Asia Tenggara dan Laut China Selatan	332
6.2.2	Kesan Terhadap Ekonomi Perdagangan Asia Tenggara	343
6.2.3	Kesan Ketenteraan Kuasa Barat di Laut China Selatan	346
6.3	Kesan Secara Tidak Langsung Keberadaan dan Penglibatan Kuasa Barat di Laut China Selatan	367
6.3.1	Kegiatan Penerokaan British Ke Atas Kepulauan Laut China Selatan	367
6.3.2	Isu <i>Spratly Island</i> dan <i>Amboyna Cay</i>	376
6.3.3	Isu Kedaulatan Maritim Dan Permulaan Tuntutan Bertindih	387
6.4	Hubung Kait Antara Sejarah Keberadaan dan Penglibatan Kuasa Barat di Laut China Selatan Terhadap Isu Tuntutan Bertindih: Sumber Sejarah Vis-à-vis Perundangan Antarabangsa	407
6.5	Kesimpulan	416

<b>BAB 7: KESIMPULAN</b>	417
<b>RUJUKAN</b>	438
<b>LAMPIRAN</b>	481




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Senarai Kartografi Barat Mengenai LCS dari tahun 1670 sehingga tahun 1697	122
Jadual 3.2 : Senarai Kartografi Barat Mengenai Kepulauan LCS, 1700-1748	128
Jadual 3.3 : Perbandingan Kartografi Norie dan Horsburgh	140
Jadual 3.4 : Fitur Kepulauan Paracel Berdasarkan Laporan Horsburgh, 1843	149
Jadual 3.5 : Fitur Kepulauan Spratly Berdasarkan Laporan Horsburgh, 1843	150
Jadual 3.6 : Koordinat Sebahagian Fitur Kepulauan LCS Mengikut Wilayah Sebelum Tahun 1945	171
Jadual 3.7 : Koordinat Kepulauan Spratly dalam Kartografi Adam Black Tahun 1884	173
Jadual 4.1 : Jenis-Jenis Komoditi Perdagangan Antarabangsa (Barat-Asia) Sehingga Abad ke-17	188
Jadual 4.2 : Eksport Barangan Pada Harga Semasa, 1870–1973 (juta dolar pada pertukaran kadar semasa)	193
Jadual 4.3 : Rakan Dagang Perdagangan Antarabangsa di Asia Tenggara, 1883–1938 (juta paun sterling)	193
Jadual 4.4 : Kapal Dagang China Ke Luzon, 1581-1760	197
Jadual 4.5 : Komoditi Perdagangan Belanda, 1650-an hingga 1770-an (Juta <i>guilder</i> semasa)	199
Jadual 4.6 : Senarai Kapal Barat di Perairan LCS, 1670-1717	201
Jadual 4.7 : Jenis Syarikat dan Pelabuhan Jerman di Asia Timur, 1840-1850	213
Jadual 4.8 : Kapal Jerman di Pelabuhan Canton, 1847-1859	214
Jadual 4.9 : Imbangan Perdagangan British-Borneo di LCS (\$ <i>straits dollar</i> )	221
Jadual 4.10 : Nilai Imbangan Perdagangan British-Borneo, 1941-1963 (\$ <i>Malayan Dollar</i> )	222
Jadual 4.11 : Perdagangan Jerman (Hamburg) dengan China, 1860-1900	225
Jadual 4.12 : Kerugian yang dialami <i>Imperial Mail Steamship Service</i> ke Timur Jauh dan Australia	228
Jadual 4.13 : Kargo dan Muatan oleh Kapal Bersubsidi, 1886-1890	229
Jadual 4.14 : Senarai Syarikat Perkapalan Jerman yang Beroperasi di Perairan Asia, 1880-an-1900-an	229
Jadual 4.15 : Syarikat dan Individu Persendirian Perancis di China, 1879-1900	235
Jadual 5.1 : Operasi <i>Royal Navy</i> di Perairan Borneo, 1843-1846	249
Jadual 5.2 : Kapal <i>Royal Navy</i> dan Syarikat Hindia Timur yang terlibat dalam Operasi di perairan China, 1839-1842	251
Jadual 5.3 : Operasi <i>Royal Navy</i> di Perairan China dan LCS ( <i>East Indies &amp; China Station</i> ) sehingga tahun 1870	253

Jadual 5.4	: Aset Ketenteraan Laut Jerman di Timur Jauh sehingga tahun 1870	258
Jadual 5.5	: Operasi dan aset ketenteraan AS di perairan Timur Jauh dari tahun 1800-1870	262
Jadual 5.6	: Operasi <i>Royal Navy</i> melalui <i>China Station</i> , 1870-1940	273
Jadual 5.7	: Penglibatan Skuadron Timur Jauh Perancis Dalam Kempen <i>Sino-French War</i> (1884-1885)	277
Jadual 5.8	: <i>Far East French Squadron</i> 1894-1900	277
Jadual 5.9	: Senarai Pulau dan Fitur yang Berpotensi Dibangunkan Sebagai Pangkalan Tentera	322
Jadual 5.10	: Jarak Antara Pelabuhan Utama dengan Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly	325
Jadual 6.1	: Latihan dan Operasi Ketenteraan di LCS, 1956-1971	350
Jadual 6.2	: Sumber dan Rekod China Mengenai LCS	391



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




## SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	: Carta Alir Kaedah Kajian	46
Rajah 3.1	: Peta <i>India Orientalis, Hondius' map of China and Southeast Asia, from a French edition of the Mercator-Hondius Atlas</i> dan cabutan mengenai LCS oleh Jodocus Hondius (1610)	115
Rajah 3.2	: Peta <i>Indiae Orientalis Nova Descriptio</i> dan cabutan peta mengenai LCS oleh Jan Jansson (1630)	116
Rajah 3.3	: Peta <i>India Orientalis et Insulae Adiecentes</i> dan cabutan mengenai LCS oleh Matthaus Merian (1638)	118
Rajah 3.4	: Peta <i>Partie Meridionale De L'Inde En deux Presqu'Isles l'une deca et l'autre Gange</i> dan cabutan mengenai LCS oleh Nicolas Sanson (1654)	121
Rajah 3.5	: Peta Selden (1653) didakwa menunjukkan seluruh Asia Timur dan Tenggara. China menempati kurang dari setengah kawasan Peta Selden, yang berpusat di LCS, dengan wilayah sama yang menggambarkan Filipina, Borneo, Jawa, Sumatera dan Asia Tenggara	124
Rajah 3.6	: Peta Selden (1653) selepas padanan GIS	125
Rajah 3.7	: Peta <i>The Principal Islands of the East Indies</i> oleh Herman Moll (1700)	126
Rajah 3.8	: Peta <i>Mortier's Large Format Map of the Kingdome of Siam, Malaysian Peninsula, Singapore, Indonesia, etc</i> oleh Pieter Mortier (1700)	127
Rajah 3.9	: Peta <i>Chatelain's map of Southeast Asia</i> dan cabutan mengenai LCS oleh Henri Chatelain (1719)	129
Rajah 3.10	: <i>A General Chart of the China Sea</i> oleh Robert Sayer (1778)	131
Rajah 3.11	: Cabutan dari peta <i>an Accurate Map of the Islands and Channels between China and New Holland</i> oleh Robert Wilkinson (1794)	132
Rajah 3.12	: <i>A New Map of the East India Isles, From the Latest Authorities</i> dan cabutan mengenai fitur LCS oleh John Carry (1801)	134
Rajah 3.13	: <i>Greek Map of Philippines, Southeast Asia, China, etc</i>	135
Rajah 3.14	: Cabutan dari <i>Peta East India Isles</i> oleh John Pinkerton (1813)	136
Rajah 3.15	: Cabutan dari Peta " <i>Carte Encyprotype</i> " oleh Hubert Breu (1814)	137
Rajah 3.16	: <i>Antique Sea Chart of East Asia</i> oleh John William Norie (Januari 1821)	142
Rajah 3.17	: <i>China Sea Sheet 1</i> oleh James Harsborough (Oktober 1821)	143
Rajah 3.18	: <i>China Sea Sheet 2</i> oleh James Horsborough (1823)	144

Rajah 3.19	:	Peta <i>Asiatic Archipelago (Early Singapore Inset)</i> oleh John Arrowsmith (1832)	145
Rajah 3.20	:	Cabutan dari Peta <i>Depot de la Marine (1839)</i>	153
Rajah 3.21	:	<i>Carte de la Malaisie</i> oleh Alexandre Vuillemin (1843)	154
Rajah 3.22	:	Cabutan dari Peta F.A. Garnier (1860)	155
Rajah 3.23	:	Peta <i>Indian Archipelago and Further India including Burmah, Siam, Anam, &amp; c.</i> dan cabutan mengenai Kepulauan Spratly oleh Adam Black (1884)	156
Rajah 3.24	:	Peta dan Cabutan Peta <i>Northwestern Borneo</i> oleh J.W. Stemfoort (1885)	157
Rajah 3.25	:	<i>Kaart Van Het Eiland Borneo</i> (1902)	166
Rajah 3.26	:	Cabutan <i>Kaart Van Het Eiland Borneo</i> (1902)	167
Rajah 3.27	:	Peta <i>Philippines Islands</i> dan cabutan mengenai <i>Paris Treaty Line</i> (1908)	168
Rajah 3.28	:	Cabutan Peta Borneo, Edward Stanford (1919)	174
Rajah 3.29	:	Peta <i>Nouveau Planisphere Officiel L'Empire Colonial Francais et les Possessions Coloniales des Nations (1935)</i> dan cabutan mengenai lingkungan sempadan perairan antarabangsa Hainan, Cochinchine-Indocine dan Filipina	175
Rajah 3.30	:	Peta Kepulauan Filipina Tahun 1944	176
Rajah 3.31	:	Peta (Vietnam) Saigon   Dalat (1945) <i>by War Office Southern Vietnam at the beginning of the First Indochina War.</i>	177
Rajah 3.32	:	Cabutan peta (Vietnam) Saigon   Dalat (1945) <i>by War Office Southern Vietnam at the beginning of the First Indochina War</i> yang menunjukkan fitur paling hujung adalah pada kedudukan 10°N-113°E	178
Rajah 3.33	:	<i>North Borneo</i> (1941) oleh <i>Topografische Dienst</i> (Batavia) yang memasukkan lingkungan kawasan sehingga ke fitur <i>Ardasier</i>	179
Rajah 3.34	:	Peta <i>South China China Sea</i> tahun 1944 oleh <i>Survey of India</i> , edisi pertama <i>U.S. Army Map Service</i> , Washington	180
Rajah 4.1	:	Evolusi Hubungan Perdagangan Antarabangsa dan Implikasi Terhadap Sosioekonomi Masyarakat	189
Rajah 4.2	:	Ilustrasi Pelabuhan Singapura pada tahun 1825 oleh Kapten Bethune dari <i>Royal Navy</i> British	204
Rajah 4.3	:	Nilai Import dan Eksport Labuan, 1850-1870	209
Rajah 4.4	:	Ketibaan <i>German mail steamer</i> di Pelabuhan Singapura pada tahun 1900-an	229
Rajah 5.1	:	Kapal perang besi pertama British, <i>Nemesis</i> yang digunakan di perairan China pada tahun 1840-an	250
Rajah 5.2	:	Kapal <i>Susquehana</i>	263
Rajah 5.3	:	<i>USS Colorado</i> (1856)	263
Rajah 5.4	:	Ketenteraan Laut AS di Stesen Hindia Timur	264
Rajah 5.5	:	<i>Royal Navy</i> di <i>China Station</i> , 1912-1914	265
Rajah 5.6	:	Kapal Perang <i>Royal Navy</i> , <i>HMS Vanguard</i> , <i>China Station</i> 1946-1948	266

Rajah 5.7	:	Kapal <i>HMS Iron Duke</i>	267
Rajah 5.8	:	Penenggelaman Kapal " <i>Prince of Wales</i> " dan " <i>Repulse</i> " pada Disember 1941.	276
Rajah 5.9	:	Kapal penjelajah Perancis, <i>Montcalm</i> (1897-1942)	279
Rajah 5.10	:	Kedudukan Cam Ranh Bay (kiri). Pembinaan Cam Ranh Bay menjelang tahun 1948 (kanan)	281
Rajah 5.11	:	Kapal Penjelajah Kelas <i>Kresta</i>	313
Rajah 5.12	:	Kapal Pembinasas Kelas <i>Kashin</i>	313
Rajah 5.13	:	<i>HMS Hermes</i> di Pangkalan Laut Subic Bay, Filipina, 1961	316
Rajah 5.14	:	" <i>Operation Passage</i> " menggunakan kapal <i>HMS Warrior</i> , 1954	317
Rajah 5.15	:	Poster seruan menghentikan Perang Vietnam, 1970	319
Rajah 5.16	:	Cadangan menjadikan <i>Royal Captain Shoal</i> dan <i>Half Moon Shoal</i> sebagai stesen pengisian semula minyak oleh British, 1937	324
Rajah 6.1	:	Eksesais <i>Monsoon</i> di LCS, 1956	353
Rajah 6.2	:	Pesawat udara AS, <i>USS Ticonderoga</i> mendarat di atas kapal British, <i>HMS Victorious</i> dalam operasi latihan Eksesais <i>Crosstie</i> di LCS pada tahun 1961	353
Rajah 6.3	:	Kapal pembinasas <i>US Seventh Fleet</i> , <i>USS Walke</i> mengisi minyak dari kapal pengangkut British, <i>HMS Victorious</i> semasa latihan SEATO di LCS pada tahun 1965	354
Rajah 6.4	:	<i>Royal Malayan Navy</i> dengan ibu pejabat di Singapura, 1952	362
Rajah 6.5	:	Penyerahan <i>Minesweeper</i> kepada RMN dengan nama <i>HMS Mahamiru</i> kepada Menteri Pertahanan Malaya, Tun Abdul Razak Bin Hussein, 24 Mei 1960	363
Rajah 6.6	:	Penglibatan <i>Royal Malayan Navy</i> di LCS dalam Eksesais <i>Monsoon</i> , 1956	365
Rajah 6.7	:	Penglibatan Tentera Laut Malaysia dalam eksesais bersama kapal Tentera Laut British, Australia dan New Zealand di LCS pada tahun 1964	366
Rajah 6.8	:	Kapal Perang British di LCS ( <i>HMS Albion</i> , <i>HMS Brighthon</i> dan <i>HMS Barrosa</i> , 1965	366
Rajah 6.9	:	Lesen mengeksplorasi sumber guano dan memacakkan bendera British di <i>Spratly Island</i> dan <i>Amboyana Cay</i> . Di sebelah kiri: Lesen kepada <i>Messrs. Graham &amp; Simpson</i> pada tahun 1877 oleh W.H. Treacher ( <i>Acting Governor of Labuan and Acting Consul-General in Borneo</i> ) manakala di sebelah kanan: Lesen kedua kepada CBC oleh <i>Foreign Office</i> pada tahun 1888	369
Rajah 6.10	:	Kawasan yang diberikan pajakan minyak dan dilesenkan untuk pencarian mineral	375

Rajah 6.11	:	Peta yang menunjukkan stesen-stesen utama yang ditandakan untuk tujuan penyelidikan semasa pelayaran kapal <i>HMS Dampier</i> di LCS. Kebanyakan daripada stesen ini termasuk dalam Kepulauan Spratly. Sebagai contoh, stesen D8 & D7 ( <i>North Luconia Shoals</i> ), D62 ( <i>Ladd Reef</i> ), D70 ( <i>Spratly Island</i> ), D86 ( <i>Swallow Reef</i> ), D78 ( <i>Amboyna Cay</i> ).	376
Rajah 6.12	:	Kepulauan Spratly dan garis putus-putus menunjukkan sempadan maritim yang dituntut oleh China	406
Rajah 6.13	:	Kepulauan Spratly dan kawasan yang menunjukkan tuntutan Perancis (1933), Jepun (1939) dan Cloma (1956)	407



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

<b>ANZUK</b>	-	<i>Tripartite Force formed by Australia, New Zealand &amp; United Kingdom</i>
<b>ASEAN</b>	-	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
<b>BNBC</b>	-	<i>British North Borneo Company</i>
<b>CHTC</b>	-	<i>China Homeward Trade Conference</i>
<b>CIL</b>	-	<i>Customary International Law</i>
<b>CNEP</b>	-	<i>Comptoir National d'escompte de Paris</i>
<b>EIC</b>	-	<i>East India Company</i>
<b>FPDA</b>	-	<i>Five Power Defence Arrangement</i>
<b>FEIC</b>	-	<i>French East India Company</i>
<b>HMS</b>	-	<i>Her/His Majesty's ship</i>
<b>HMAS</b>	-	<i>Her/His Majesty's Australian Ship</i>
<b>ICJ</b>	-	<i>International Court Justice</i>
<b>IHO</b>	-	<i>The International Hydrographic Organization</i>
<b>IL</b>	-	<i>International Law</i>
<b>LCS</b>	-	Laut China Selatan
<b>NATO</b>	-	<i>The North Atlantic Treaty Organization</i>
<b>PBBB</b>	-	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
<b>PCA</b>	-	<i>Permanent Court of Arbitration</i>
<b>PDI</b>	-	Perang Dunia Pertama
<b>PDII</b>	-	Perang Dunia Kedua
<b>PKM</b>	-	Parti Komunis Malaya
<b>PRC</b>	-	<i>The People's Republic of China</i>
<b>RRC</b>	-	Republik Rakyat China
<b>RSN</b>	-	<i>Republic of Singapore Navy</i>
<b>RAF</b>	-	<i>Royal Air Force</i>
<b>RAAF</b>	-	<i>Royal Australian Air Force</i>
<b>RAN</b>	-	<i>Royal Australian Navy</i>
<b>RNZAF</b>	-	<i>Royal New Zealand Air Force</i>
<b>RN</b>	-	<i>Royal Navy</i>
<b>RNZN</b>	-	<i>Royal New Zealand Navy</i>
<b>RVNN</b>	-	<i>The Republic of Vietnam Navy</i>
<b>SFPT</b>	-	<i>San Francisco Peace Treaty</i>
<b>SEATO</b>	-	<i>Southeast Asia Treaty Organization</i>
<b>SHTI</b>	-	Syarikat Hindia Timur Inggeris
<b>SBUB</b>	-	Syarikat Borneo Utara British
<b>TTP</b>	-	<i>Treaty of Taipei</i>
<b>TLDM</b>	-	Tentera Laut Diraja Malaysia
<b>UNCLOS</b>	-	<i>The United Nations Convention on the Law of the Sea</i>
<b>UNCTAD</b>	-	<i>United Nations Conference on Trade and Development</i>
<b>USS</b>	-	<i>United States Ship</i>
<b>VOC</b>	-	<i>Vereenigde Oostindische Compagnie</i> (Syarikat Hindia Timur Belanda)
<b>VPN</b>	-	<i>Vietnam People Navy</i> (Tentera Laut Rakyat Vietnam)

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN A : Kronologi Penting Perkembangan Eksplorasi Minyak Sabah, 1881-1980	481
LAMPIRAN B : Peta Laut China Selatan	482
LAMPIRAN C : Sebahagian Peta Baru Malaysia 1979 yang menunjukkan Sempadan Perairan dan Pelantar Benua Malaysia	483



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Imperialisme dan kolonialisme kuasa Barat ke atas Asia Timur dan Asia Tenggara direalisasikan bagi mencapai matlamat penguasaan sosial, ekonomi dan politik.<sup>1</sup> Hubung kait matlamat ini telah menghakis kedaulatan empayar atau negara yang dijajah sama ada melalui mekanisme kawalan secara langsung ke atas koloni atau melalui perintah negara induk kuasa Barat. Dalam masa yang sama, semangat penjajahan dan penerokaan telah menyebabkan pelayaran dilakukan dan mengakibatkan kuasa Barat mula bertebaran di dunia Asia khususnya pada abad ke-17. Situasi ini menyebabkan Laut China atau Laut China Selatan (LCS) kemudiannya tidak dapat dipisahkan dalam menjelaskan tentang keberadaan dan penglibatan kuasa Barat. Proses ini berlangsung daripada pemahaman konsep wilayah dan kelautan yang dimanifestasikan dalam bentuk ilmu kartografi-pelayaran serta mempunyai korelasi terhadap aspek perdagangan dan ketenteraan laut kuasa Barat di LCS.

Manifestasi ketiga-tiga aspek ini dalam menjelaskan tentang keberadaan dan penglibatan kuasa Barat akan memberikan pencerahan yang komprehensif mengenai sejarah LCS. Walau bagaimanapun, persaingan antara kuasa Barat bagi menguasai Asia Timur telah mencerminkan hubungan yang sering kali dibayangi oleh suasana perpecahan dan berlarutan sehingga negara bekas jajahan terlepas dari cengkaman pihak kolonial. Buktinya, LCS pada era kontemporari dianggap sebagai medan persaingan geopolitik dan perluasan sfera pengaruh khususnya di antara Amerika

---

<sup>1</sup> Istilah Asia Timur, Asia Tenggara atau istilah lain seperti Timur Jauh akan digunakan secara bersilih ganti dalam keseluruhan penulisan tesis ini mengikut kesesuaian konteks yang dibincangkan.

Syarikat (AS) dan kuasa besar baharu China serta kemelut tuntutan bertindih ke atas wilayah fizikal dan kawasan maritim dalam kalangan negara-negara pesisir yang cenderung berasaskan kepada perundangan dan sejarah, termasuklah sejarah kolonial.<sup>2</sup> Keadaan ini salah satunya berpunca daripada tafsiran berbeza mengenai konsep wilayah dan kelautan yang diperkenalkan oleh Barat serta sejarah keberadaan dan penglibatan mereka di LCS. Hakikatnya, tidak dinafikan bahawa aspek perdagangan dan ketenteraan yang dilaksanakan kuasa Barat ke atas LCS memberi kesan signifikan terhadap negara pesisir LCS. Definisi sejarah LCS yang terdiri daripada pelbagai dimensi berbeza memerlukan penelitian serta kajian yang mendalam bagi mengelakkan tafsiran atau pandangan yang sempit atau *myopic*, terutama sekali dari segi implikasi pentafsiran sejarah terhadap kekuatan atau kekurangan tuntutan negara-negara terbabit.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam catatan China pada abad ke-12, perairan LCS mempunyai dua nama iaitu Laut Jiaozhi dan Laut Champa. Jiaozhi adalah nama kuno Vietnam yang diberikan oleh kerajaan Han. Laut Champa merujuk kepada nama kerajaan di Vietnam. Walau bagaimanapun, sebahagian kartografi Barat menyebutnya sebagai *Mara de China* dan nama ini dipakai sejak abad ke-16 oleh pelaut Portugis. Nama LCS kemudiannya muncul untuk membezakannya dengan laut sekitar China yang lain.<sup>3</sup> Menurut *International Hydrographic Organization* (IHO), LCS terletak di sebelah selatan China, timur Vietnam, sebelah barat Filipina, sebelah timur Semenanjung Malaysia dan Sumatera hingga di sebelah barat serta sebelah utara Kepulauan Bangka Belitung dan Kalimantan.<sup>4</sup> Evers (2017) menjelaskan LCS sebagai "laut mediterranean", dikelilingi oleh daratan yang dimiliki oleh negara-negara berbeza; Negara-negara

---

<sup>2</sup> H.D. Evers., *Nusantara Malaysia dan Geopolitik Laut China Selatan* (Terj.), Bangi; UKM Press, 2017, hlm. 9.

<sup>3</sup> T. Suarez., *Early Mapping of Southeast Asia: The Epic Story of Seafarers, Adventures, and Cartographers Who First Mapped the Regions Between China and India*, United States; Tuttle Publishing, 2012.

<sup>4</sup> *International Hydrographic Organization* (IHO), *Limits of Oceans and Seas*, (3<sup>rd</sup> Ed.) 1953.